



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS SASAR PENGUATKUASAAN KE ATAS 10 SEKTOR INDUSTRI BAGI MENINGKATKAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2022

1. **9 MAC 2022, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) menetapkan sasaran untuk meningkatkan pematuhan ke atas 10 sektor industri bagi tahun 2022 selaras dengan ketetapan Mesyuarat Penyelaras Tindakan Penguatkuasaan JAS Tahun 2022 yang meliputi industri-industri penyudahan logam dan sadur elektrik, kertas, pengilangan logam, plastik, galian bukan logam, penapisan minyak makan, makanan dan minuman, industri kimia, berasaskan getah dan penapisan petroleum.
2. Industri-industri tersebut dikenalpasti mempunyai tahap pematuhan yang rendah pada tahun 2021 terutamanya premis industri yang menghasilkan efluen.
3. Pada tahun 2021, JAS telah berjaya meningkatkan bilangan pemeriksaan penguatkuasaan keseluruhan sebanyak 22,679 berbanding 22,555 pemeriksaan pada tahun 2020.
4. Bagi memastikan pematuhan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974, JAS turut mengambil inisiatif berimpak tinggi dengan melaksanakan sebanyak 121 Ops Gempur di seluruh negara melibatkan pemeriksaan ke atas 2,707 premis yang terdiri dari pelbagai jenis industri.
5. Sebanyak 10,396 tindakan penguatkuasaan di bawah AKAS 1974 telah diambil ke atas premis industri yang gagal mematuhi peruntukan Akta tersebut. Tindakan ini merangkumi 7,050 kompaun, 173 penahanan operasi kelengkapan, 2,799 notis arahan, 6 perintah larangan, 21 gantung lesen dan sebanyak 347 kertas siasatan telah dibuka untuk pendakwaan di

mahkamah. Manakala jumlah kutipan penalti sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak RM13.1 juta.

6. Saya juga berterima kasih kepada orang awam yang membantu memberi maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang mencemarkan alam sekitar.
7. JAS sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

WAN ABDUL LATIF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Putrajaya

Dikeluarkan pada 9 Mac 2022